

PERMOHONAN CARIAN RASMI

Urusan	: Sijil Carian Rasmi
Seksyen	: Seksyen 384 Kanun Tanah Negara 1965
Borang Terlibat	: Borang Sijil Carian Rasmi
Bayaran	: RM 40.00 untuk satu hakmilik
Muat Turun	: 1. Borang Carian Rasmi (sila jangan tandatangan borang terlebih dahulu)

DEFINISI

Carian untuk memeriksa, mencatat atau 'extract' mana-mana daftar hakmilik, buku perserahan atau buku pembedulan atau apa-apa instrumen urusan niaga / permohonan yang disertakan kepada pendaftar, carian rasmi tersebut perlulah ditandatangani oleh pendaftar.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Mana-mana orang, agensi, syarikat atau badan yang berkepentingan.

PANDUAN PENGISIAN BORANG SIJIL CARIAN RASMI

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang Sijil Carian Rasmi yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson mengikut Seksyen 384 KTN.
2. Borang hendaklah diisi lengkap dan terang tulisannya. Borang yang tidak lengkap dan tulisan yang tidak jelas tidak akan diterima.
3. Borang yang telah lengkap diisi perlu diserahkan kepada kerani kaunter Unit Pendaftaran untuk semakan dan pengeluaran resit bayaran.
4. Pemohon perlu menjelaskan bayaran permohonan Sijil Carian Rasmi sebanyak RM40.00 di kaunter Unit Hasil.
5. Pemohon hendaklah menyerahkan pendua resit yang telah dibayar kembali kepada kerani kaunter Unit Pendaftaran.
6. Pemohon diminta memeriksa dokumen Sijil Carian rasmi yang telah ditandatangani oleh Pendaftar.
7. Borang permohonan Sijil Carian Rasmi hendaklah ditandatangani oleh pemohon selepas menerima dokumen Sijil Carian Rasmi.